

**HUBUNGAN STRATEGIK AMERIKA SYARIKAT-
MALAYSIA MEMERANGI KEGANASAN DI
MALAYSIA 1990-2003**

ASZLAN BIN SELAMAT

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini memberi penumpuan terhadap hubungan dua hala dalam aspek hubungan strategik Amerika Syarikat-Malaysia memerangi keganasan di Malaysia dari tahun 1990 hingga 2003. Kajian ini juga menjejaki evolusi hubungan strategik kedua-dua negara sejak selepas Perang Dunia Kedua bagi mencari asas kepada hubungan yang telah lama wujud. Kajian ini juga turut menjelaskan sebab-musabab yang mendorong hubungan dua hala tersebut terus berlaku. Selain itu, kajian ini juga mengetengahkan pendapat dibalik wujudnya isu dan cabaran iaitu perbezaan pandangan dan pendapat mengenai usaha memerangi keganasan, perkara tersebut tidak menghalang kedua-dua negara meneruskan hubungan yang baik. Malahan, dibalik kelantangan Malaysia menyuarakan tentangan ke atas tindakan AS menyerang Iraq dan Afghanistan, hubungan tersebut masih diteruskan dan Malaysia mengikut nasihat AS menubuhkan SEARCCT. Kedua-dua negara sedar hubungan tersebut menguntungkan kedua-dua pihak. Daripada kajian ini didapati hubungan strategik AS-Malaysia berlaku dalam keadaan yang tidak konsisten. Walau bagaimanapun, selepas berlakunya peristiwa 11 September 2001, kerjasama memerangi keganasan semakin meningkat.

